

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. EWON EBIN
[RANAU]**

TARIKH : 23.05.2016 (ISNIN)

Datuk Dr. Ewon Ebin [Ranau] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN** menyatakan pelan tindakan yang telah dirangka oleh Pihak Kementerian untuk menurunkan harga barangan keperluan harian di negeri Sabah yang dikatakan terlalu tinggi walau pun pelbagai jenis dana disediakan dalam bajet-bajet negara sebelum ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Dewan Yang Mulia ini, pihak Kementerian menyedari bahawa terdapat perbezaan harga barangan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak di mana harga barangan adalah lebih tinggi di Sabah dan Sarawak. Antara punca perbezaan harga ini adalah kos pengangkutan barangan dari Semenanjung ke Sabah dan Sarawak. Keadaan ini ditambah lagi dengan kos pengangkutan darat di Sabah dan Sarawak yang tinggi disebabkan oleh faktor bentuk muka bumi dan taburan penduduk di kawasan-kawasan pedalaman yang terletak jauh dari bandar dan tidak mempunyai infrastruktur perhubungan yang baik. Sehubungan dengan itu, Kementerian merangka beberapa program bagi meringankan beban rakyat di Sabah dan Sarawak bagi membolehkan penduduk di sana membeli beberapa barangan keperluan pada harga yang seragam seperti di seluruh negara.

Pertama ialah **Program Penyeragaman Harga** yang mensasarkan penduduk di luar bandar dan pedalaman. Menerusi program yang telah bermula sejak daripada tahun 2009 ini, Kerajaan telah membiayai kos pengangkutan tujuh (7) barangan kawalan terlibat iaitu tepung gandum kegunaan am, minyak masak, gula, beras, gas petroleum cecair (LPG), petrol RON 95 dan diesel ke kawasan pedalaman bagi memastikan golongan sasar di kawasan berkenaan boleh mendapatkan barangan tersebut pada harga yang sama seperti di kawasan bandar.

Seterusnya ialah **Program Mobile KR1M** yang mula dilaksanakan sejak tahun 2013. Program ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan di

dalam usaha menyeragamkan harga barangan KR1M, COOP1M dan FAMA di Sabah dan Sarawak pada harga yang sama seperti di Semenanjung. Melalui program ini, Kerajaan membiayai kos pengangkutan laut dan darat bagi barangan KR1M, FAMA dan COOP1M yang diangkut dari pelabuhan di Semenanjung ke pelabuhan di Sabah, Sarawak dan Labuan dan seterusnya ke kedai KR1M, *Distribution Center* (DC) milik FAMA dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).

Kementerian berharap pelaksanaan program-program ini dapat membantu mengurangkan beban kos sara hidup rakyat di kawasan terlibat.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**TARIKH : 23 MEI 2016
[KHAMIS]**

**DARIPADA : Y.B DR CHE ROSLI BIN CHE MAT
[HULU LANGAT]**

SOALAN :-

Y.B. DR CHE ROSLI BIN CHE MAT [HULU LANGAT] minta **MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kerajaan masih berhasrat untuk membina insinerator bagi pelupusan sisa bandaran walaupun amalan kitar semula diwajibkan.

JAWAPAN :-

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli yang Berhormat, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mensasarkan pengurangan sisa pepejal ke tapak pelupusan sisa pepejal sebanyak 40% dan kadar kitar semula nasional sebanyak 22% menjelang 2020. Oleh yang demikian, untuk mencapai jumlah pengurangan sisa pepejal 40%, kaedah rawatan sisa perlu dilaksanakan sama ada melalui insinerator, *Anaerobic Digester*, *Mechanical Biological Treatment* atau lain-lain teknologi yang telah terbukti berkesan.

Dalam komposisi sisa pepejal di Malaysia, komponen barangan kitar semula adalah dianggarkan 30%, manakala sisa makanan adalah dianggarkan antara 40% sehingga 50%. Memandangkan sisa makanan adalah tidak boleh dikitar semula, ianya hanya boleh dikurangkan melalui kaedah rawatan. Jika dilihat pada negara maju seperti Jepun dan Eropah, mereka masih melaksanakan proses rawatan sisa pepejal walaupun kadar kitar semula yang dicapai adalah tinggi.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,
Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Mei 2016